

Terms and Conditions of Unit Trust Investment Services

Terma dan Syarat Perkhidmatan Pelaburan Unit Amanah

This Unit Trust Investment Services Terms and Conditions will take effect on **16 June 2025**

Terma & Syarat Perkhidmatan Pelaburan Unit Amanah ini akan berkuatkuasa pada 16 Jun 2025

This Unit Trust Investment Services Terms and Conditions are available on request and is displayed on Alliance Bank's website at www.alliancebank.com.my. Please take the time to read them as they are binding on you.

Terma & Syarat Perkhidmatan Pelaburan Unit Amanah ini tersedia atas permintaan dan dipaparkan di laman web Alliance Bank di www.alliancebank.com.my. Sila luangkan masa untuk membacanya kerana ia mengikat anda.

Please contact your nearest Alliance Bank branch if you require any clarification.

Sila hubungi cawangan Alliance Bank terdekat anda jika anda memerlukan sebarang penjelasan.

Thank you for banking with Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank").

Terima kasih kerana (menggunakan perkhidmatan) perbankan Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank").

1. Definitions and Terms Applicable Generally

Definisi dan Syarat Yang Belaku Secara Umum

1.1 Definition / Definisi

In this Terms and Conditions, the following terms and expressions have the corresponding meanings unless otherwise expressly stated or unless the context requires another meaning:

Dalam Terma dan Syarat ini, istilah dan ungkapan berikut mempunyai makna yang sesuai kecuali dinyatakan sebaliknya atau kecuali konteksnya memerlukan makna lain:

The words "I", "me", "my", "mine", "we", "us" and "Customer" refer to the person(s) / applicant(s) / account holder(s) who opened the Account(s) (defined below) or whose name(s) appearing in the Bank's prescribed forms, and will, where the context so permits, include my Authorised Signatory(ies) (defined below), the successor(s), personal or legal representative(s), permitted assigns. Where the Account(s) is opened by more than one person or by a Corporation, "I", "me", "my" and "mine" will read as "we", "us", "our" and "ours".

Perkataan "Saya", "milik saya", "kami" dan "Pelanggan" merujuk kepada orang / pemohon / pemegang akaun yang membuka Akaun (didefinisikan di bawah) atau nama yang tertera di dalam borang yang ditentukan oleh Bank, dan, di mana konteksnya mengizinkan, termasuklah Penandatanganan yang Sah (ditakrifkan di bawah), pengganti, wakil peribadi atau sah, penerima serah hak yang dibenarkan. Di mana Akaun dibuka oleh lebih daripada satu orang atau oleh Perbadanan, "Saya" dan "milik saya" akan dibaca sebagai "kami" dan "milik kami"

The words "you", "your", "yours" and "the Bank" refer to Alliance Bank Malaysia Berhad (Registration No.198201008390 (88103-W)) and shall include its successors and assigns.

Perkataan "anda", "milik anda" dan "the Bank" merujuk kepada Alliance Bank Malaysia Berhad (Pendaftaran No.198201008390 (88103-W)) dan termasuk pengganti dan penerima haknya.

The words "Funds" refer to Unit Trust Funds.

Perkataan "Dana" merujuk kepada Dana Unit Amanah.

"Account(s)" means one or more Account(s) which I open (or which you open on my behalf) and maintain with you from time to time (being of any type or category, and whether opened in single or joint name(s) or in trust) and "Account" means any of them.

"Akaun" bermaksud satu atau lebih Akaun yang saya buka (atau yang anda buka atas nama saya) dan mengendalkannya dari semasa ke semasa (dari jenis atau kategori apa pun, dan sama ada dibuka dalam nama perseorangan atau bersama (s) atau dalam kepercayaan) dan "Akaun" bermaksud salah satu daripadanya.

"Authorised Person(s)" means a person or persons duly authorised by me from time to time to give instructions.

"Orang yang diberi kuasa" bermaksud orang atau orang yang diberi kuasa oleh saya dari semasa ke semasa untuk memberi arahan.

"Authorised Signatory(ies)" refers to any person(s) authorised by me to operate the Account(s) for and on my behalf pursuant to the Bank's prescribed forms or the Board Resolutions (as the case may be) duly signed by me and received by you.

"Penandatanganan yang diberi kuasa" merujuk kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh saya untuk mengendalikan Akaun untuk dan bagi pihak saya menurut borang yang ditetapkan oleh Bank atau Keputusan Lembaga (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang ditandatangani oleh saya dan diterima oleh anda.

"Board Resolutions" means the board resolutions to be signed by us (where we are a company) pursuant to the opening of our Account(s) with you.

"Resolusi Lembaga" bermaksud ketetapan dewan yang akan ditandatangani oleh kami (di mana kami adalah syarikat) sesuai dengan pembukaan Akaun kami dengan anda.

"Business day" means a day other than Saturday, Sunday and gazetted public holiday (whether scheduled or otherwise) on which the Bank and Fund Manager is open for business in Malaysia and subject to the respective Funds' prospectus(es).

"Hari Perniagaan" bermaksud hari selain hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am yang diwartakan (sama ada berjadual atau tidak) di mana Bank dan Pengurus Dana dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan tertakluk kepada prospektus Dana masing-masing.

"Custodian" means AllianceGroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd and AllianceGroup Nominees (Asing) Sdn Bhd appointed by the Bank

"Penjaga" bermaksud "AllianceGroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd dan AllianceGroup Nominees (Asing) Sdn Bhd yang dilantik oleh Bank

"Corporation" includes partnerships, firms, companies and bodies corporate and unincorporated.

"Perbadanan" merangkumi perkongsian, firma, syarikat dan badan korporat dan tidak diperbadankan.

"EPF" means the Employees Provident Fund established under the Employees Provident Fund Act 1991 as amended or re-enacted.

"KWSP" bermaksud Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 seperti yang telah dipinda atau digubal.

"Fund" or "Funds" include mutual funds, unit trusts or other collective investment schemes distributed by Alliance Bank Malaysia Berhad.

"Dana" merangkumi dana bersama, unit amanah atau skim pelaburan kolektif lain yang diedarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad.

"Group" means Alliance Bank Malaysia Berhad together with the related/associated companies includes their assignees and successors-in-title.

"Kumpulan" bermaksud Alliance Bank Malaysia Berhad bersama-sama dengan syarikat berkaitan/bersekutu termasuk pemegang serah hak dan pengganti hak milik mereka.

"individual" means a natural person and includes a sole-proprietor.

"Individu" bermaksud orang perseorangan dan termasuk pemilik tunggal.

"instructions" means any and all instructions (including approvals, consents and notices) received by you from, or reasonably believed by you to be from me or any Authorised Person(s), including any instructions communicated through any manual or electronic medium or system agreed between me and you.

"Arahan" bermaksud mana-mana dan semua arahan (termasuk kelulusan, persetujuan dan notis) yang diterima oleh anda dari, atau dipercayai oleh anda oleh saya atau Orang yang diberi kuasa, termasuk arahan yang disampaikan melalui mana-mana media atau sistem manual atau elektronik bersetuju antara saya dan anda.

"PIDM" means Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

"PIDM" bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

"Securities" includes all sums of money, stocks, shares, bonds, unit trusts, guarantees and securities of any kind, deposited with you from time to time.

"Sekuriti" merangkumi keseluruhan jumlah wang, stok, saham, bon, amanah saham, jaminan dan sekuriti apa pun, yang disimpan dengan anda dari semasa ke semasa

"Services" means Unit Trust Investment Services

"Perkhidmatan" bermaksud Perkhidmatan Pelaburan Unit Amanah

"Transaction" or "Transactions" means, in relation to investment in Units, the subscription for Units, the redemption of Units, the switching of Units, the transfer of Units or any other dealings in relation to the Units and/or my investments

"Transaksi" bermaksud, berkaitan dengan pelaburan dalam Unit, langganan untuk Unit, penebusan Unit, pertukaran Unit, pemindahan Unit atau sebarang transaksi lain yang berkaitan dengan Unit dan / atau pelaburan saya

"Units" means units of a Fund.

"Unit" bermaksud unit Dana.

2. Provision of the Investment Services

Peruntukan bagi Perkhidmatan Pelaburan

- 2.1 Bank may provide Services to Customer who are desirous of holding, subscribing, switching, cooling-off, transferring or redeeming of Unit Trust Funds ("Funds").

Bank boleh menyediakan Perkhidmatan Pelaburan Unit Amanah ("Perkhidmatan") kepada pelanggan yang berhasrat untuk memegang, melanggan, menukar, mendapatkan tempoh bertenang, memindahkan atau menebus Dana Unit Amanah ("Dana").

- 2.2 The Services are available to corporations, partnerships, sole proprietor, association and individuals who have attained the age of at least eighteen (18) years as the date of application.

Perkhidmatan adalah tersedia untuk syarikat, perkongsian, pemilikan tunggal, persatuan, dan individu yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan.

- 2.3 The Services is not intended for US persons. Any person seeking more information on these Services must provide his/ her mailing address / telephone area codes and must declare that he/ she is not a US citizen, US resident or US defined under Rule 902(k) of Regulation S under the US Securities Act 1993.

Perkhidmatan ini tidak ditujukan untuk orang Amerika Syarikat. Mana-mana orang yang mencari maklumat lanjut mengenai Perkhidmatan ini mesti memberikan alamat surat-menyurat / kod kawasan telefon dan mesti mengisytiharkan bahawa dia bukan warganegara Amerika Syarikat, pemastautin Amerika Syarikat atau Amerika Syarikat yang ditakrifkan di bawah Peraturan 902(k) Peraturan S di bawah Akta Sekuriti Amerika Syarikat 1993.

- 2.4 By using the Services, the Customer hereby certifies that:-

- the Customer is not a "US person";
- the gains from the investments, holding, subscriptions, switching or redemptions of securities including Units in any Fund carried out pursuant to the Services are not effectively connected or related to any US trade or business which the Customer is engaged in or plan to engage in during the calendar year.

Dengan menggunakan Perkhidmatan ini, Pelanggan dengan ini memperakui bahawa:-

- *pelanggan bukan "orang Amerika Syarikat";*
- *keuntungan daripada pelaburan, pegangan, langganan, penukaran atau penebusan sekuriti termasuk Unit Dana Amanah yang dilaksanakan menurut Perkhidmatan ini tidak berkaitan secara langsung atau berkaitan dengan mana-mana perdagangan atau perniagaan Amerika Syarikat yang Pelanggan terlibat atau merancang untuk terlibat sepanjang tahun kalendar.*

If any of the conditions above change(s) or appears likely to change, the Customers undertake to notify the Bank in writing within 30 days from such change or of the Customers becoming aware of the likelihood of such change(s).

Jika mana-mana syarat di atas berubah atau mungkin akan berubah, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam masa 30 hari dari perubahan tersebut atau Pelanggan menyedari kemungkinan perubahan tersebut.

- 2.5 The Bank will make available to the Customer upon request, the most recently published editions of prospectuses, semi annual (if available) or annual reports and other materials ("Fund Information") issued by the respective Unit Trust Management Companies ("Fund Managers") and/or relating to one or more Funds which in each case are approved Funds in Malaysia.

Bank akan menyediakan atas permintaan Pelanggan, prospektus dalam terbitan edisi terkini, setengah tahunan (sekiranya ada) atau laporan tahunan dan bahan-bahan lain ("Maklumat Dana") yang diterbitkan oleh Syarikat Pengurusan Unit Amanah yang berkaitan ("Pengurus Dana") dan/atau yang bersangkutan dengan satu atau lebih Dana yang setiap satunya merupakan Dana yang diluluskan di Malaysia.

- 2.6 The Fund Information to be provided to the Customer by the Bank may comprise:

Maklumat Dana yang harus diberikan oleh Bank kepada Pelanggan boleh merangkumi:

- a. Materials produced and provided to the Bank on behalf of the relevant Fund Managers

Bahan-bahan yang diterbitkan dan disediakan kepada Bank bagi pihak Pengurus Dana yang berkaitan

- b. Statistical information in respective of past performance of the Funds generated by the Bank in relation to the relevant Funds

Maklumat statistik yang berkenaan dengan prestasi lampau Dana yang dijana oleh Bank berhubung dengan Dana yang berkaitan

- 2.7 The Customer hereby acknowledges and understands that unit trust schemes and units in such schemes are not protected by PIDM. The Bank shall undertake reasonable measures to ensure that this information is clearly communicated to the Customers prior to any investment by :

- a. requiring the Customers to sign an acknowledgement in the Investment Account Opening Form and/or Investment Transaction Request Form, thereby confirming their understanding of the non-protection status.
- b. providing a verbal explanation, where applicable with documented evidence of Customer's acknowledgement through a recorded phone confirmation (if any) or written declarations.

Pelanggan dengan ini mengakui dan memahami bahawa skim unit amanah dan unit dalam skim seumpamanya tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Bank hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan maklumat ini dikomunikasikan dengan jelas kepada Pelanggan sebelum membuat sebarang pelaburan dengan:

- a. memerlukan Pelanggan menandatangani pengakuan dalam Borang Pemohonan Pembukaan Akaun Pelaburan dan/atau Borang Permintaan Transaksi Pelaburan, yang mengesahkan pemahaman mereka mengenai status tidak dilindungi.
- b. memberikan penjelasan lisan di mana berkenaan, dengan bukti dokumentasi pengakuan Pelanggan melalui pengesahan telefon yang direkodkan (jika ada) atau perisytiharan bertulis.

- 2.8 Any application for the holding, subscription, switching, cooling-off, transfer or redemption of Units shall be made by completing and signing the Bank's prescribed form(s).

Apa-apa permohonan untuk pegangan, langganan, penukaran, tempoh bertenang, pemindahan atau penebusan Unit dalam Dana ("Unit") boleh dibuat dengan mengisi dan menandatangani borang yang ditetapkan oleh Bank.

- 2.9 The Customer confirms and declares to the Bank that the Customer shall be bound by the terms and conditions herein contained in connection with the provision of Services and/or the acquisition and/or sale of any Units in any Funds by the Customer. The Bank shall undertake reasonable measures to ensure that these terms and conditions are clearly communicated and made available to the Customer before the Customer agrees to invest by providing clear, accurate and timely information through disclosure and provision of a Product Prospectus/Fund Fact Sheet/Product Highlights Sheet/Information Memorandum and other relevant materials outlining the product's features, risks, fees and exclusions. The Bank shall also ensure that Customers acknowledge their understanding of these terms and conditions through written, electronic or recorded phone confirmation (if any) before proceeding with the investments.

Pelanggan mengesahkan dan mengisytiharkan kepada Bank bahawa Pelanggan adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung di sini berkenaan dengan peruntukan Perkhidmatan dan/atau pemerolehan dan/atau jualan mana-mana Unit dalam mana-mana Dana oleh Pelanggan. Bank hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa terma dan syarat ini dikomunikasikan dengan jelas dan tersedia kepada Pelanggan sebelum Pelanggan bersetuju untuk melabur dengan penyediaan maklumat yang jelas, jitu dan tepat pada masanya melalui pendedahan dan pemberian Prospektus Produk/Fakta Dana/Produk Lembaran Maklumat/Memorandum Maklumat dan bahan berkaitan yang lain menerangkan ciri-ciri produk, risiko, yuran, dan pengecualian. Bank juga hendaklah memastikan bahawa Pelanggan mengakui pemahaman mereka terhadap terma dan syarat ini melalui pengesahan bertulis, elektronik atau rakaman lisan sebelum meneruskan pelaburan.

- 2.10 The acceptance by the Customer of the terms and conditions herein contained constitutes a valid and binding agreement between the Customer and the Bank under which the Bank may act on the Customer's behalf in connection with the acquisition or sale of any Units in any Funds by the Customer in accordance with the terms and conditions herein.

Penerimaan terma dan syarat yang terkandung di sini oleh Pelanggan merupakan perjanjian yang sah di antara Pelanggan dan Bank yang mengikat kedua-dua pihak, di mana Bank boleh bertindak bagi pihak Pelanggan berkenaan pemerolehan atau jualan mana-mana Unit dalam mana-mana Dana oleh Pelanggan mengikut terma dan syarat di sini.

3. Opening of Accounts / Pembukaan Akaun

- 3.1 Upon applying for the Bank's Services, the Customer shall open an Account on the Bank's prescribed forms and provide the names and specimen signatures of the person(s) authorised to give and/or instructs on behalf of the Customer.

Selepas memohon untuk mendapatkan Perkhidmatan daripada Bank, Pelanggan harus membuka akaun ("Akaun") menggunakan borang yang ditetapkan oleh Bank dan memberikan nama dan tandatangan contoh individu yang diberi kuasa untuk memberi dan/atau mengarahkan bagi pihak Pelanggan.

- 3.2 Where the Account is in joint names, the Bank shall act on instructions from the Customer in accordance to the written mandate given to the Bank. Where the Bank is instructed and authorised to act on instructions of any of the Customer, the Account(s) may be operated and/or closed by any one of the Customer. Where the Bank is authorised to act on instructions of both or all the Customer, the Account(s) may only be operated and/or closed by both or all the Customer. The joint account holders shall be bound jointly and severally by these terms and conditions.

Bagi Akaun yang mempunyai nama bersama, Bank akan bertindak mengikut arahan daripada Pelanggan menurut mandat bertulis yang diberi kepada Bank. Sekiranya Bank diarahkan dan diberi kuasa untuk bertindak menurut arahan mana-mana Pelanggan, Akaun boleh dikendalikan dan/atau ditutup oleh salah seorang daripada Pelanggan. Sekiranya Bank diberi kuasa untuk bertindak mengikut arahan kedua-dua atau kesemua Pelanggan, Akaun hanya boleh dikendalikan dan/atau ditutup oleh kedua-dua atau kesemua Pelanggan. Pemegang akaun bersama terikat secara bersama dan berasingan oleh terma dan syarat ini.

- 3.3 If the Bank receives contradictory instructions from Customer of a joint Account, or if the Bank believes there is a dispute between any of the Customer in relation to any instructions or to the joint Account, the Bank reserves the right to:

Sekiranya Bank menerima arahan yang bertentangan daripada Pelanggan Akaun bersama, atau sekiranya Bank percaya terdapat pertikaian di antara mana-mana Pelanggan berhubung apa-apa arahan atau Akaun bersama tersebut, Bank berhak untuk:

- a. refuse to act and shall require the mandate of all the Customer of the joint Account; or
menolak untuk bertindak dan mendapatkan mandat daripada kesemua Pelanggan Akaun bersama tersebut; atau
- b. delay in acting on those instructions until apparent conflict has been resolved to Bank's satisfaction and the Bank shall not be liable for any losses resulting from such refusal to act.
kelewatan dalam melaksanakan arahan tersebut sehingga konflik yang jelas dapat diselesaikan untuk kepuasan bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang berlaku akibat penolakan tersebut.

- 3.4 Units in any Funds shall be held by the Custodian as nominee for the Bank holding the same as nominee for the Customer and where there is more than one Customer, the Units in any Funds shall be beneficially owned by such customers or persons jointly with the right of survivorship.

Unit dalam mana-mana Dana akan dipegang oleh Penjaga sebagai penama bagi Bank yang memegangnya juga sebagai penama bagi Pelanggan dan di mana terdapat lebih daripada seorang pelanggan, Unit dalam mana-mana Dana akan dianggap sebagai dimiliki bersama secara benefisial oleh pelanggan atau individu tersebut dengan hak penakatan.

- 3.5 If any one of the joint Account(s) holders dies, the survivor(s) are authorised to close the joint Account(s) and transfer the credit balance in the joint Account(s) and any monies and/or securities held by the survivor(s) in the joint Account(s) to a new account(s) to be opened by the survivor(s) in the name(s) of the survivor(s) and if more than one survivor, in their joint names. However, prior to such transfer, any indebtedness to the Bank shall be first set-off from the said credit balance. The Bank shall ensure that a clear and transparent communication regarding the set-off and transfer procedures is provided to the survivor(s).

Sekiranya salah satu pemegang Akaun Bersama meninggal dunia, pemandiri diberi kuasa untuk menutup Akaun Bersama dan memindahkan baki kredit dalam Akaun Bersama dan sebarang wang dan / atau sekuriti yang dipegang oleh pemandiri dalam Akaun Bersama ke akaun baharu yang akan dibuka oleh pemandiri dan jika lebih daripada seorang pemandiri milik dalam Akaun Bersama atas nama bersama. Walau bagaimanapun, sebelum pemindahan tersebut, sebarang hutang kepada Bank hendaklah terlebih dahulu dilangsaikan

daripada baki kredit tersebut. Bank hendaklah memastikan bahawa komunikasi yang jelas dan telus mengenai prosedur penolakan dan pemindahan diberikan kepada pemandiri.

- 3.6 Survivor(s) to the fullest extent permitted by law, undertake to indemnify the Bank against all claims, costs, expenses, losses and damages including those arising from (i) the closing of the joint Account(s); (ii) the opening of the new account(s); (iii) transfer of the Funds in the joint Account(s) and/or new account(s); and (iv) any dispute between any of the joint Account(s) holder(s) and any personal representatives of the deceased joint Account(s) holder.

Pemandiri setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, berjanji untuk menanggung rugi Bank terhadap semua tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan termasuk yang timbul daripada (i) penutupan Akaun Bersama; (ii) pembukaan akaun baru; (iii) semua pemindahan dana yang berkaitan dengan Akaun Bersama dan / atau akaun baru; dan (iv) sebarang perselisihan antara mana-mana pemegang Akaun Bersama (s) dan mana-mana wakil peribadi pemegang Akaun Bersama yang telah meninggal dunia.

3.7 **In Trust for / Untuk Akaun Dalam Amanah**

3.7.1 If the Account(s) is "in-trust-for" someone else and the Customer shall declare him/her as the trustee of the Account(s), the Customer undertake to operate such Account(s) solely for the benefit of the beneficiary(ies) and it will be a term of such trust that the Customer have the full rights and discretion to withdraw money, operate and to close the Account(s) at any time without any restrictions. To the fullest extent permitted by law, the Customer will indemnify the Bank against any loss or liability in respect of the Customer's operation of the Account(s) except where such have been incurred by the Banks's wilful default or negligent act or omission. *Sekiranya Akaun Pelanggan "diamanahkan" untuk orang lain dan Pelanggan mengisytiharkan diri sendiri sebagai pemegang amanah Akaun, Pelanggan berjanji untuk mengendalikan Akaun tersebut semata-mata untuk kepentingan benefisiari dan akan menjadi terma kepercayaan yang Pelanggan mempunyai hak dan budi bicara sepenuhnya mengeluarkan wang, mengendalikan dan menutup Akaun pada bila-bila masa tanpa sekatan. Sejauh mana yang diizinkan oleh undang-undang, Pelanggan akan memberi ganti rugi kepada Bank terhadap sebarang kehilangan atau liabiliti berkenaan dengan pengendalian Akaun Pelanggan melainkan jika perkara tersebut telah ditanggung oleh keingkaran yang disengajakan atau tindakan atau peninggalan kecuai Bank.*

3.7.2 Upon the Customer's death or the death of any of the beneficiaries or upon the Customer (where we are a Corporation) being wound up or dissolved, the Bank is entitled to exercise the right to debit from the Account(s) any obligations owed to the Bank by the Customer with prior notice.

Setelah kematian Pelanggan atau kematian mana-mana benefisiari atau apabila Pelanggan (di mana kami Perbadanan) digulung atau dibubarkan, Bank berhak menggunakan hak Bank untuk mendebit dari Akaun (s) apa-apa kewajipan yang terhutang kepada Bank oleh Pelanggan dengan notis awal.

3.7.3 Upon the Customer death, the Bank is entitled to do the following: -

Setelah kematian Pelanggan, Bank berhak melakukan perkara berikut :-

- a) if the beneficiary(ies) are of full age, Bank is allowed to close the Account(s) and release the monies in such Account(s) to the beneficiary(ies) equally, or open a new Account(s) in the names of all the beneficiary(ies) and the new Account(s) will be operated in accordance with the instructions of all the beneficiary(ies); or

jika benefisiari telah mencapai umur penuh, Bank dibenarkan menutup Akaun dan melepaskan wang dalam Akaun tersebut kepada benefisiari sama rata, atau membuka Akaun baru di nama semua benefisiari dan Akaun baru akan dikendalikan mengikut arahan semua benefisiari; atau

- b) if the beneficiary(ies) are not of full age, the Bank is allowed to close the Account(s), open a new Account(s) in the names of the Customer personal representative(s) in trust for the beneficiary(ies) or release the monies in such Account(s) to the Customer personal representative(s) in trust for the beneficiary(ies).

jika benefisiari belum mencapai umur penuh, Bank dibenarkan menutup Akaun, membuka Akaun baru dengan nama perwakilan peribadi Pelanggan yang dipercayai untuk benefisiari atau melepaskan wang dalam Akaun tersebut kepada wakil peribadi Pelanggan yang dipercayai untuk benefisiari Pelanggan.

- 3.7.4 Upon the death of any of the beneficiary(ies), the Bank can (i) close the Account(s) and open a new In-Trust-For Account(s) which will be operated by the Customer as trustee for the benefit of the deceased beneficiary(ies)' estate and the surviving beneficiary(ies); or (ii) release a portion of monies in such Account(s) (which is proportionate to the number of beneficiaries) to the personal representatives and allow the Customer to operate the Account(s) for the benefit of the surviving beneficiary(ies).

Setelah kematian mana-mana benefisiari, Bank boleh mengikut budi bicara Bank (i) menutup Akaun dan membuka Akaun Amanah baru yang akan dikendalikan oleh Pelanggan sebagai pemegang amanah untuk manfaat harta pusaka waris yang telah meninggal dunia dan benefisiari yang masih hidup; atau (ii) melepaskan sebahagian wang dalam Akaun tersebut (yang berkadaran dengan bilangan benefisiari) kepada perwakilan peribadi dan membenarkan Pelanggan mengendalikan Akaun untuk kepentingan benefisiari yang masih hidup.

- 3.7.5 To the fullest extent permitted by law, the Customer undertake to indemnify the Bank and keep the Bank indemnified against all claims, costs, expenses, losses and damages however arising at any time including those arising from (i) the operation and closing of the Account(s); (ii) the opening of the new Account(s); and (iii) any dispute amongst the beneficiary(ies), between any of the beneficiary(ies) and any of the Customer's personal representatives.

Sejauh mana yang diizinkan oleh undang-undang, Pelanggan berjanji untuk menanggung rugi Bank dan memastikan Bank dilindungi daripada semua tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan yang timbul pada bila-bila masa termasuk yang timbul daripada (i) operasi dan penutupan Akaun; (ii) pembukaan Akaun baru; dan (iii) sebarang pertikaian di antara benefisiari Pelanggan, antara mana-mana benefisiari Pelanggan dan mana-mana wakil peribadi Pelanggan.

- 3.7.6 Under no circumstances (including the Customer death or the Customer being wound up or dissolved) is the Bank vested with any duties as trustee and the Bank is under no obligation to take into cognisance any trust whether or not informed of the same. To the fullest extent permitted by law, the Bank is not under any circumstances liable to any beneficiary of any trust.

Dalam apa jua keadaan (termasuk kematian Pelanggan atau Pelanggan digulung atau dibubarkan), Bank diberi tanggungjawab sebagai pemegang amanah dan Bank tidak berkewajipan apa pun untuk mengetahui apa-apa amanah sama ada diberitahu atau tidak. Sejauh mana yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana penerima dalam akaun amanah.

- 3.7.7 Upon the Customer's death or the Customer being wound up or dissolved, the Bank is entitled to deal with the Account(s) and to act in accordance with the instructions of any person who to the Bank's satisfaction has been duly appointed as the trustee in the Customer's place.

Setelah kematian Pelanggan atau Pelanggan digulung atau dibubarkan, Bank berhak untuk berurusan dengan Akaun dan bertindak mengikut arahan mana-mana orang yang untuk kepuasan Bank telah dilantik dengan sewajarnya sebagai pemegang amanah di tempat Pelanggan.

- 3.8 The Customer shall immediately inform the Bank in writing of any changes in address, contact numbers, authorised signatories or other particulars that may be made from time to time. Until the Bank has received the Customer' notification of such changes, the Bank is entitled to rely on the last list of authorised signatories and other particulars on record with the Bank.

Pelanggan harus memaklumkan dengan segera kepada Bank secara bertulis apa-apa pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang diberi kuasa atau butiran lain yang dibuat dari masa ke semasa. Sehingga Bank menerima pemberitahuan Pelanggan mengenai pertukaran sedemikian, Bank berhak untuk bergantung kepada senarai terakhir penandatanganan yang diberi kuasa dan butiran lain yang terdapat dalam rekod Bank.

4. Provisions for Companies/Partnerships/Sole Proprietor / Peruntukan bagi Syarikat/Perkongsian/Pemilikan Tunggal

- 4.1 For partnership, all partners (on a joint and several basis) are bound by this terms and conditions, and liable for all debts and other liabilities owed by the Customer even if there are any changes to the partnership, implementation of a name change or that the partnership is dissolved. For sole proprietorship, the individual constituting the sole proprietorship is liable for all debts and other liabilities owed by the Customer even if there are any changes in the way the sole proprietorship is constituted, implementation of a name change or the sole proprietorship no longer exists.

Bagi perkongsian, semua rakan kongsi (atas dasar bersama dan berasingan) adalah terikat dengan terma dan syarat ini, dan dipertanggungjawabkan ke atas segala hutang dan liabiliti lain yang masih terhutang oleh Pelanggan walaupun terdapat perubahan pada perkongsian, pelaksanaan penukaran nama atau perkongsian tersebut dibubarkan. Bagi pemilikan tunggal, individu yang membentuk pemilikan tunggal dipertanggungjawabkan ke atas segala hutang dan liabiliti lain yang masih terhutang oleh Pelanggan walaupun terdapat perubahan dalam penubuhan pemilikan tunggal, pelaksanaan penukaran nama atau pemilikan tunggal tersebut tidak lagi wujud.

- 4.2 For sole proprietor, in the event of demise / bankruptcy, the Bank will freeze the Account upon notification of death or bankruptcy until the Bank receives Letters of Administration / Grant of Probate / an order from the Land Office under the Small Estates Distribution Act or such other Court Orders as the case may be and Bank shall release the monies available in the Account to the executor/administrator, as the case may be or the Director General of Insolvency, if the sole proprietor is a bankrupt.

Bagi pemilik tunggal, sekiranya berlaku kematian / mufli, Bank akan membekukan Akaun apabila pemberitahuan kematian atau mufli sehingga Bank menerima Surat Mentadbir / Pemberian Probet / perintah daripada Pejabat Tanah di bawah Akta Pembahagian Pusaka Kecil atau seumpamanya Perintah Mahkamah lain mengikut mana-mana yang berkenaan dan Bank hendaklah melepaskan wang yang terdapat dalam Akaun kepada pelaksana/pentadbir, mengikut mana-mana yang berkenaan atau Ketua Pengarah Insolvensi, jika pemilik tunggal adalah seorang bankrap.

- 4.3 For partnership, in the event of demise/bankruptcy of a partner, the partnership is considered dissolved unless there is agreement to the contrary between the partners. The Bank will freeze the Account accordingly and wait for instructions from the remaining partners and/or the Director General of Insolvency as the case may be.

Untuk perkongsian, sekiranya berlaku kematian/kebankrapan rakan kongsi, perkongsian itu dianggap terubur melainkan terdapat persetujuan sebaliknya antara rakan kongsi. Bank akan membekukan Akaun sewajarnya dan menunggu arahan daripada rakan kongsi yang tinggal dan/atau Ketua Pengarah Insolvensi mengikut mana-mana yang berkenaan.

- 4.4 Regardless of any change in the company's constitution or name, or modification/termination of any power of any partner, this terms and conditions shall bind all partners/a new sole proprietor, and in the case of a partnership shall bind all partners jointly and severally.

Tanpa mengambil kira apa-apa perubahan dalam penubuhan syarikat atau nama, atau pengubahan/penamatan kuasa mana-mana rakan kongsi, terma dan syarat ini akan mengikat semua rakan kongsi/pemilik tunggal yang baru, dan dalam kes perkongsian akan mengikat semua rakan kongsi secara bersama dan berasingan.

- 4.5 The Customer shall promptly notify the Bank in writing of any change in the constitution or name of the company/partnership/sole proprietorship for any reason.

Pelanggan akan memberitahu Bank dengan segera secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam penubuhan atau nama syarikat/perkongsian/pemilikan tunggal tersebut di atas apa-apa sebab sekalipun.

- 4.6 In the case of any Account(s) opened in the name of a company, the Bank will allow changes of authorised signature(s). However, the Bank is not obliged to accept any change unless the Bank is satisfied that the change has been duly authorised by the Board of Directors of the body corporate or by whatever act or deed is required under the charter or constitution or governing laws of that company and the Bank has had reasonable time to act on such change.

Sekiranya terdapat akaun yang dibuka atas nama syarikat, Bank akan membenarkan perubahan tandatangan yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, Bank tidak diwajibkan untuk menerima perubahan melainkan Bank berpuas hati bahawa perubahan tersebut telah dibenarkan oleh Lembaga Pengarah badan korporat atau dengan apa-apa tindakan atau perbuatan yang diperlukan di bawah piagam atau perlembagaan atau undang-undang yang mengatur syarikat itu dan Bank mempunyai masa yang munasabah untuk bertindak atas perubahan tersebut.

- 4.7 In the event of liquidation of a company, the Funds credited to the Account(s) may only be withdrawn by, and the Funds payable will only be paid to, the Liquidator.

Sekiranya berlaku pembubaran syarikat, dana yang dikreditkan ke Akaun hanya dapat dikeluarkan oleh, dan dana yang dibayar hanya akan dibayar kepada, Pelikuidasi.

5. Instructions for Holding, Subscription, Switching, Cooling-Off, Transfer or Redemption of Funds

Arahan bagi Pegangan, Langganan, Pertukaran, Tempoh Bertenang, Pemindahan atau Penebusan Dana

- 5.1 The Bank may but shall not be obliged to act on any instructions or notice given by facsimile or any other means of communication not prescribed by the Bank in these terms and conditions or elsewhere in relation to the Services provided by the Bank unless the original of such written instruction or notice duly signed by the Customer is received by the Bank during normal business hours at the Bank's branches.

Bank boleh tetapi tidak berkewajipan untuk bertindak ke atas apa-apa arahan atau notis yang diberi melalui faksimile atau apa-apa cara komunikasi lain yang tidak ditetapkan oleh Bank di dalam terma dan syarat ini atau di tempat lain berhubung Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kecuali salinan asal arahan atau notis bertulis yang ditandatangani oleh Pelanggan diterima oleh Bank pada waktu perniagaan biasa di cawangan Bank.

- 5.2 The Customer may place orders for Funds or send requests for holding, subscription, switching, cooling-off, transfer or redemption of Funds by completing the Bank's prescribed forms and providing the relevant documents required by the Bank.

Pelanggan boleh membuat pesanan untuk Dana atau menghantar permohonan untuk pegangan, langganan, pertukaran, tempoh bertenang, pemindahan atau penebusan Dana dengan melengkapkan borang yang ditetapkan oleh Bank dan menyerahkan dokumen berkaitan yang diperlukan oleh Bank.

- 5.3 On receipt of such written instructions, the Bank will on behalf of the Customer (whose identity will not be disclosed to the Fund Managers) place such instructions for holding, subscription, switching, cooling-off, transfer or redemption of Funds to the relevant Fund Managers.

Apabila menerima arahan bertulis sedemikian, Bank bagi pihak Pelanggan (yang identitinya tidak akan didedahkan kepada Pengurus Dana) akan memberikan arahan tersebut untuk pegangan, langganan, penukaran, tempoh bertenang, pemindahan atau penebusan Dana kepada Pengurus Dana yang berkaitan.

- 5.4 Applications for holding, subscription, switching, cooling-off, transfer or redemption of Units in a particular Fund by Customer may be aggregated and consolidated daily by the Bank and such orders or requests will be placed or sent by the Bank to the relevant Fund Managers subject to the cut-off time for unit trust fund transaction stipulated in the Fund Prospectus or Information Memorandum.

Permohonan untuk pegangan, langganan, penukaran, tempoh bertenang, pemindahan atau penebusan Unit dalam Dana tertentu oleh Pelanggan boleh digabungkan dan disatukan sama ada secara harian dan arahan atau permintaan seumpamanya akan diserahkan oleh Bank kepada Pengurus Dana yang berkaitan tertakluk kepada masa yang ditetapkan untuk urus niaga dana unit amanah yang dinyatakan dalam Prospektus Dana atau Memorandum Maklumat.

- 5.5 When the Bank has placed an order (consolidated or otherwise) for the subscription of Units or for switching of Units with the relevant Fund Manager(s), the Fund Manager(s) will issue the relevant units to and register the Units in the name of the Custodian as custodian. The Units issued will be allotted or allocated among the relevant Customers including the Customer in any order or manner as the Bank determines.

Apabila Bank telah membuat pesanan (disatukan atau sebaliknya) bagi langganan Unit atau penukaran Unit dengan Pengurus Dana yang berkaitan, Pengurus Dana akan menerbitkan unit berkaitan kepada dan mendaftarkan Unit tersebut atas nama Penjaga sebagai penjaga. Unit yang diterbitkan akan diuntukkan atau diperuntukkan di antara Pelanggan yang berkaitan termasuklah Pelanggan tersebut melalui apa-apa susunan atau cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank

- 5.6 The Customer will receive a confirmation notice from the Custodian and/or the Bank in respect of any holding, subscription, switching, cooling-off, transfer or redemption of Units issued to or switched by or to, or transferred by or to or redeemed by the Bank for the Customer.

Pelanggan akan menerima notis pengesahan daripada Penjaga dan/atau Bank berhubung apa-apa pegangan, langganan, penukaran, tempoh bertenang, pemindahan atau penebusan Unit yang diterbitkan kepada atau ditukar oleh atau kepada, atau dipindahkan oleh atau kepada atau ditebus oleh Bank untuk Pelanggan

- 5.7 The Customer will also receive monthly or at such other intervals (if any) a statement of accounts indicating the number of Units issued and kept with the Custodian as nominee for the Bank holding the same as nominees for the Customer.

Pelanggan juga akan menerima setiap bulan atau pada selang masa lain (jika ada) penyata akaun yang menunjukkan jumlah Unit yang diterbitkan dan dipegang oleh Penjaga sebagai penama bagi Bank yang memegangnya juga sebagai penama bagi Pelanggan.

- 5.8 Instructions for holding, subscription, switching, cooling-off, transfer or redemption of Funds received from the Customer by the Bank on any Business Day before the cut-off time specified, and the Bank will use all reasonable endeavours to place an aggregated order or request to the relevant Fund Manager for the same Business Day if payment in respect of the instruction is received in cleared and available on the Business Day before the cut-off time. If such instructions are not or cannot be carried out on the same Business Day for any reason for the Bank shall be entitled to place or to carry out such instructions on the next Business Day or the date when the payment is cleared (whichever is later) and any such transactions shall be binding on the Customer. Instructions received after the specified cut-off time or on a non-Business Day shall be deemed to be an instruction received by the Bank on the next Business Day and the above conditions will apply.

Arahan untuk pegangan, langganan, penukaran, tempoh bertenang, pemindahan atau penebusan Dana yang diterima daripada Pelanggan oleh Bank pada mana-mana hari perniagaan sebelum waktu tamat yang ditentukan, dan Bank menggunakan segala usaha yang sewajarnya untuk memberikan pesanan gabungan atau membuat permintaan kepada Pengurus Dana bagi Hari Perniagaan yang sama sekiranya bayaran yang berkenaan dengan arahan tersebut diterima dalam masa yang dijelaskan dan tersedia ada pada Hari Perniagaan tersebut sebelum waktu tamat. Sekiranya arahan sedemikian tidak boleh dilaksanakan pada Hari Perniagaan yang sama atas apa-apa sebab, Bank berhak untuk memberikan atau melaksanakan arahan sedemikian pada Hari Perniagaan yang berikutnya atau pada tarikh apabila bayaran diselesaikan (mana-mana yang kemudian) dan transaksi sedemikian adalah sah ke atas Pelanggan. Arahan yang diterima selepas waktu tamat yang telah ditentukan atau bukan pada Hari Perniagaan akan dianggap sebagai arahan yang diterima oleh Bank pada Hari Perniagaan yang berikutnya dan tertakluk kepada syarat-syarat di atas.

- 5.9 If representatives of any Fund Managers instruct the Bank or Custodian as registered holder of any Funds, to divest itself, transfer or otherwise dispose off any Funds in accordance with the terms and conditions governing the operation of such Funds the Bank shall promptly seek the Customer' instruction as to how (subject to this terms and conditions) the Customer wishes to proceed and if no instruction are received from Customer within the time allotted for receipt of the same and/or a satisfactory course of action cannot be agreed with the relevant Fund Manager within any time period specified for this purpose the Bank shall procure the Custodian to redeem the relevant Funds and pay or credit the proceeds to the Customer in the manner specified in the application.

Sekiranya, wakil mana-mana Pengurus Dana mengarahkan Bank atau Penjaga sebagai pemegang berdaftar mana-mana Dana, untuk melucutkan haknya, memindahkan atau sebaliknya menjual seluruhnya mana-mana Dana menurut terma dan syarat yang mentadbir operasi Dana berkenaan, Bank akan mendapatkan arahan daripada Pelanggan dengan segera mengenai bagaimana (tertakluk kepada terma dan syarat ini) Pelanggan ingin meneruskannya dan sekiranya tiada arahan diterima daripada Pelanggan dalam tempoh yang diuntukkan bagi penerimaan arahan tersebut dan/atau tindakan yang memuaskan tidak dapat dipersetujui dengan Pengurus Dana yang berkaitan dalam mana-mana tempoh yang ditentukan untuk tujuan ini, Bank akan mendapatkan Penjaga bagi menebus Dana berkaitan dan membayar atau mengkreditkan hasil pendapatan kepada Pelanggan melalui cara yang telah ditentukan dalam permohonan.

- 5.10 Unless provided otherwise in any laws, regulations, guidelines or directives issued by any authorities in relation to any matters herein, including but not limited to payment or treatment of dividends declared by any Fund Manager will automatically be reinvested in the relevant Fund from which dividend is received.

Kecuali diperuntukkan sebaliknya dalam mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa berhubung apa-apa hal yang terkandung di sini, termasuklah tetapi tidak terhad kepada pembayaran atau pengendalian dividen yang diumumkan oleh mana-mana Pengurus Dana secara automatik akan dilaburkan semula dalam Dana yang berkaitan dari mana dividen diterima.

- 5.11 Where the Customer instructs or requires a switching of Funds, the Bank will subscribe for the Funds required by the Customer only after confirmation and completion of the redemption of the relevant existing Funds which are being switched.

Sekiranya Pelanggan mengarahkan atau memerlukan penukaran Dana, Bank akan melanggan Dana yang dikehendaki oleh Pelanggan hanya selepas pengesahan dan setelah selesai penebusan Dana sedia ada yang berkaitan yang hendak ditukar.

- 5.12 The Customer acknowledges that any Fund Manager which receives the subscription or redemption order from the Bank is not obliged to accept the order in part or whole. The Bank shall not liable or responsible for any action or rejection on the part of any Fund Manager in respect of any subscription or redemption order. The Bank and its agents shall have no responsibility or liability for ensuring that the relevant Fund Manager allots the units or for any losses including any loss of investment opportunity which the Customer may suffer or incur as a result of any refusal to accept or delay in accepting such subscription or redemption order from the Fund Manager unless such costs, loss or damages are directly caused by the Bank's wilful default or negligent act or omission.

Pelanggan mengakui bahawa mana-mana Pengurus Dana yang menerima pesanan langganan atau penebusan daripada Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menerima pesanan tersebut sama ada secara sebahagian atau keseluruhannya. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab ke atas apa-apa tindakan atau penolakan dari pihak Pengurus Dana berhubung pesanan langganan atau penebusan. Bank dan agennya tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa Pengurus Dana berkaitan memperuntukkan unit tersebut atau ke atas apa-apa kerugian termasuklah kerugian dalam peluang pelaburan yang mungkin dialami oleh Pelanggan atau yang terjadi akibat keengganan untuk menerima atau kelewatan dalam penerimaan pesanan langganan atau penebusan daripada Pengurus Dana melainkan kos, kerugian atau kerosakan tersebut secara langsung disebabkan oleh keingkaran yang disengajakan atau tindakan atau peninggalan kecuai Bank.

- 5.13 All instructions, orders or requests for holding, subscription, switching, transfer or redemption of Units by the Customer will remain effective notwithstanding the Customer's death or bankruptcy or the revocation of such instructions, order or request by any other means until notice of the Customer's death or bankruptcy or such revocation is received by the Bank.

Segala arahan, pesanan atau permintaan untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit oleh Pelanggan akan tetap berkuat kuasa walaupun dengan kematian atau kebangkrutan Pelanggan atau pembatalan arahan, pesanan atau permintaan sedemikian dengan cara lain sehingga notis kematian atau kebangkrutan Pelanggan atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.

6. Payment of subscription, monies and/or monies acquired for subscriptions, holdings, redemptions, cooling-off, transfer or switching
Pembayaran langganan, wang dan/atau wang yang diperolehi bagi langganan, pegangan, penebusan, tempoh bertenang, pemindahan atau penukaran

- 6.1 Payment of subscription monies and/or monies acquired for holdings, subscriptions, cooling-off, redemptions, transfer or switching and/or any fees, costs or any other expenses which the Customer is liable to pay under this terms and conditions shall be in cleared and sufficient available funds.

Pembayaran wang langganan dan/atau wang yang diperolehi untuk pegangan, langganan, tempoh bertenang, penebusan, pemindahan atau penukaran dan/atau apa-apa yuran, kos atau perbelanjaan lain yang dipertanggungjawabkan ke atas Pelanggan untuk membayarnya di bawah terma dan syarat ini haruslah terdapat dalam dana yang lunas dan mencukupi.

- 6.2 Where the Customer agrees to make payment by way of direct debit of the Customer's account with the Bank, the Bank is authorised without further instructions from the Customer to debit against the Customer's account all monies required for holdings, subscriptions, switching, transfers or redemptions, and/or fees and expenses payable by the Customer. The Customer undertakes to maintain or make arrangement with the Bank to have at all times sufficient funds for making such payments or debits. Should there be insufficient funds in the relevant account of the Customer for making such payments or debits, the Bank shall be entitled to reject or refuse to carry out the Customer's instructions.

Sekiranya Pelanggan mempersetujui untuk membuat bayaran secara debit terus dari akaun Pelanggan dengan Bank, Bank diberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik tanpa arahan lanjut daripada Pelanggan untuk mendebitkan daripada akaun Pelanggan keseluruhan wang yang diperlukan untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan, dan/atau yuran dan perbelanjaan yang mesti dibayar oleh Pelanggan. Pelanggan mengaku janji untuk mengekalkan atau mengatur dengan Bank supaya sentiasa mempunyai dana yang mencukupi untuk membuat pembayaran atau debit tersebut. Sekiranya terdapat dana yang tidak mencukupi dalam akaun Pelanggan berkaitan untuk membuat pembayaran atau debit sedemikian, Bank berhak untuk menolak atau enggan melaksanakan arahan Pelanggan.

- 6.3 Cash payments (if any) to the Bank are to be made at the Bank's transaction counters and not to any persons (whether the Bank's representatives or otherwise) outside the banking premises.

Bayaran tunai (sekiranya ada) kepada Bank haruslah dibuat di kaunter transaksi Bank dan bukannya kepada mana-mana individu (sama ada wakil Bank atau sebaliknya) di luar premis perbankan.

- 6.4 Redemption proceeds received by the Bank will be paid or credited in the manner specified in the application or instruction. The redemption proceeds will be net of any fees, charges or expenses incurred in connection with the redemption.

Penebusan hasil pendapatan yang diterima oleh Bank akan dibayar atau dikreditkan dengan cara yang telah ditentukan di dalam permohonan atau arahan. Hasil daripada penebusan adalah bersih daripada yuran, caj atau perbelanjaan yang ditanggung yang berkaitan dengan penebusan.

- 6.5 Any payment made by the Bank pursuant to any instructions signed or made or purporting to be signed or made by the Customer or the Customer's authorised signatories shall be a complete discharge and will absolve the Bank from any liability to the Customer or to any other party.

Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Bank menurut apa-apa arahan yang ditandatangani atau dibuat atau bermaksud untuk ditandatangani atau dibuat oleh Pelanggan atau penandatangan yang diberi kuasa oleh Pelanggan merupakan pelepasan sepenuhnya dan akan membebaskan Bank dari apa-apa liabiliti kepada Pelanggan atau kepada mana-mana pihak lain.

- 6.6 Where any payment is made: / *Sekiranya pembayaran dibuat:*

- a. By the Customer to the Bank in respect of any subscription, switching or transfer of Units in a currency other than the currency in which the Funds is denominated, the Bank shall be entitled to convert the currency in which payment is made to the Bank to the currency in which the Fund is denominated to make the necessary payment for the transaction at the rate of exchange determined by the Bank which the Bank may reasonably consider necessary or desirable.

Oleh Pelanggan kepada Bank berkenaan apa-apa langganan, penukaran atau pemindahan Unit dalam matawang selain daripada matawang denominasi Dana, Bank berhak untuk menukar matawang yang digunakan untuk membuat pembayaran kepada Bank kepada matawang denominasi Dana untuk membuat bayaran yang diperlukan bagi transaksi tersebut pada kadar tukaran yang ditetapkan oleh Bank yang Bank anggap perlu atau sewajarnya dengan munasabah.

- b. By the Bank to the Customer in respect of redemption of units in a currency other than the currency in which the Fund is denominated, the Bank shall be entitled to convert the currency in which the Fund is denominated to the currency in which payment is made by the Bank to Customer in respect of the transaction at the rate of exchange determined by the Bank which the Bank may reasonably consider necessary or desirable .

Oleh Bank kepada Pelanggan berkenaan penebusan unit dalam matawang selain daripada matawang denominasi Dana, Bank berhak untuk menukar matawang denominasi Dana kepada matawang yang digunakan oleh Bank untuk membuat pembayaran kepada Pelanggan berkenaan transaksi tersebut pada kadar tukaran yang ditetapkan oleh Bank yang Bank anggap perlu atau sewajarnya dengan munasabah

- c. In foreign currency notes in respect of any subscription or redemptions of units, the Bank shall be entitled to charge, retain or deduct a commission and other costs and expenses where any payment is made by the Customer to the Bank.

Dalam matawang asing berkenaan apa-apa langganan atau penebusan unit, Bank berhak untuk mengenakan caj, menahan atau memotong komisen serta kos dan perbelanjaan lain di mana pembayaran dibuat oleh Pelanggan kepada Bank.

7. Regular Savings Plan / *Pelan Simpanan Biasa*

- 7.1 The Customer may apply for the establishment of plan to purchase Funds periodically by completing Bank's prescribed forms.

Pelanggan boleh memohon untuk mengadakan pelan untuk membeli Dana secara berkala dengan melengkapkan borang yang ditetapkan oleh Bank.

- 7.2 Payment for subscription of units under the Regular Savings Plan will be debited from the Customer' account as authorised in the prescribed forms on a specific day of any month ("Debit Day") as determined by the Customer.

Bayaran untuk langganan unit di bawah Pelan Simpanan Biasa akan didebitkan daripada akaun Pelanggan sebagaimana yang dibenarkan dalam borang yang ditetapkan pada hari tertentu mana-mana bulan (Hari Debit) sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pelanggan.

- 7.3 The Customer undertake to ensure that sufficient funds are kept in the Customer' account to meet this regular payment. The Bank shall not be responsible to debit the regular payment account to make regular payment where there is no available or sufficient fund in the Customer' account or where the account has been terminated or suspended for any reason.

Pelanggan perlu memastikan bahawa terdapat dana yang cukup di dalam akaun Pelanggan untuk membuat bayaran tetap ini. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mendebit akaun bayaran tetap bagi membuat pembayaran tetap sekiranya tiada dana atau terdapat dana yang tidak mencukupi dalam akaun Pelanggan atau sekiranya akaun telah ditamatkan atau digantung di atas apa juga sebab.

- 7.4 Customer shall make monthly payments of a minimum sum which may be equal to or higher than the amount prescribed by the Fund Manager of the relevant Fund regards any Regular Savings Plan.

Pelanggan akan membuat bayaran bulanan dengan jumlah minimum yang mungkin sama dengan atau lebih banyak daripada amaun yang ditetapkan oleh Pengurus Dana bagi Dana yang berkaitan berhubung mana-mana Pelan Simpanan Biasa.

- 7.5 Where payment cannot be made due to insufficient funds in the account, the Bank shall not effect payment for the payment date concerned. Further payments shall only be made on the next subsequent payment date. The Customer is required to make alternative arrangement to effect the payment concerned.

Sekiranya bayaran tidak boleh dibuat kerana dana yang tidak mencukupi di dalam akaun, Bank tidak akan melaksanakan bayaran pada tarikh bayaran tersebut. Bayaran selanjutnya hanya akan dibuat pada tarikh bayaran yang berikutnya. Pelanggan dikehendaki membuat aturan lain untuk melaksanakan bayaran tersebut.

- 7.6 The Regular Saving Plan shall continue until:-

Pelan Simpanan Berkala akan diteruskan sehingga:-

- The expiry of the standing instruction;
Tamat tempoh arahan tetap:
- The Bank receives a written notice from the Customer to terminate the plan; or
Bank menerima notis bertulis daripada Pelanggan untuk menamatkan pelan; atau
- There has been three (3) consecutive failed monthly attempts to debit Customer's account with the Bank.
Terdapat tiga (3) percubaan bulanan yang gagal berturut-turut untuk mendebit akaun Pelanggan dengan Bank.

- 7.7 The Bank shall not be liable for any losses or damage suffered by the Customer by reason of or connected with the Regular Savings Plan made by Customer unless such costs, loss or damages are directly caused by the Bank's wilful default or negligent act or omission.

Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan atas sebab atau berkaitan dengan Pelan Simpanan Biasa yang dibuat oleh Pelanggan melainkan kos, kerugian atau kerosakan tersebut secara langsung disebabkan oleh keingkaran yang disengajakan atau tindakan atau peninggalan kecuai Bank.

8. Employees Provident Fund Members Investment Scheme (EPF-MIS)

Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF-MIS)

- 8.1 In the case of Funds subscribed under EPF-MIS, the Customer irrevocably authorises the Bank to submit orders received from the Customer including the relevant documents required for the submission to the Employees Provident Fund ("EPF").

Dalam kes Dana yang dilanggan di bawah EPF-MIS, Pelanggan memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk menyerahkan pesanan yang diterima daripada Pelanggan termasuklah dokumen yang berkaitan yang diperlukan untuk penyerahan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("EPF").

- 8.2 For all investments under EPF-MIS, Units (subject to the Fund Manager's right to refuse or reject any such order pursuant to the trust deed and/or prospectus of the relevant Fund) will only be allotted and credited into the Customer's Account with the Fund Manager upon the Fund Manager receiving payments from the EPF. After payments are received from the EPF, the Customer using the EPF savings is supposed to receive an advice from the Fund Manager with the particulars of the number of Unit allotted, the date upon which the allotments were made and such other particulars as may be determined by the Fund Manager from time to time.

Bagi semua pelaburan di bawah EPF-MIS, Unit (tertakluk kepada hak Pengurus Dana untuk tidak membuat atau menolak pesanan seumpamanya menurut surat ikatan amanah dan/atau prospektus Dana yang berkaitan) akan hanya diperuntukkan dan dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan dengan Pengurus Dana selepas Pengurus Dana menerima bayaran daripada EPF. Setelah bayaran diterima daripada EPF, Pelanggan yang menggunakan simpanan EPF sepatutnya menerima makluman daripada Pengurus Dana dengan butiran mengenai jumlah Unit yang diperuntukkan, tarikh peruntukan dibuat dan butiran lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengurus Dana dari masa ke semasa.

9. Cooling-off Right/Hak Tempoh Bertenang

- 9.1 The cooling-off right shall be applicable only to first time Customers investing in any Funds with the Bank. The cooling-off right is not applicable for any subsequent investments made by the same Customers and any corporations, institutions, staff of the fund management or a person registered with a body approved by the Securities Commission.

Hak tempoh bertenang hanya boleh digunakan sekali sahaja bagi mana-mana Pelanggan yang melabur untuk kali pertama dalam mana-mana Dana dengan Bank. Hak tempoh bertenang tidak boleh digunakan bagi pelaburan yang seterusnya oleh Pelanggan yang sama dalam mana-mana Dana dengan Bank dan bukan perbadanan atau institusi, kakitangan yang diambil bekerja oleh syarikat pengurusan dana itu dan orang yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk berurusan dalam dana unit amanah syarikat pengurusan dana itu.

- 9.2 In the event that the Customer exercises the cooling-off right for the investment, the Customer shall be entitled to a refund of the Fund investment amount and the Fund service charge paid, in accordance with the Securities Commission Guidelines on Unit Trust Funds. The cooling-off period shall be six (6) business days commencing from the date of receipt of the application by the Bank or such other period specified by the relevant authority.

Sekiranya Pelanggan melaksanakan hak tempoh bertenang untuk pelaburan, Pelanggan berhak untuk menerima bayaran balik amaun pelaburan Dana dan caj perkhidmatan Dana yang telah dibayar mengikut Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai keperluan Dana Unit Amanah. Tempoh bertenang adalah dalam tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan permohonan oleh Bank atau tempoh lain yang seumpamanya yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

10. Custody of Fund Investments/Penjagaan Pelaburan Dana

- 10.1 The Bank requires that the Custodian shall record and hold in a separate account in its books all units of Funds received and held by it from time to time for the account of the Customer and shall arrange for all such Units of Funds to be held in safe-custody in such manner as the Bank in its discretion determine.

Bank menghendaki Penjaga untuk merekodkan dan memegang dalam akaun yang berasingan dalam kunci kira-kiranya semua unit Dana yang diterima dan dipegang olehnya dari masa ke semasa bagi akaun Pelanggan dan menentukan supaya semua Unit Dana seumpamanya dipegang dalam jagaan selamat dengan cara yang telah ditetapkan oleh Bank menurut budi bicara mutlak.

- 10.2 The Bank shall send to the Customer any documents such as notices, proxies, circulars, rights etc or notify the Customer of the same or the receipt of the same.

Bank akan menghantar kepada Pelanggan apa-apa dokumen seperti notis, proksi, pekeliling, hak dan sebagainya atau memberitahu Pelanggan mengenainya atau penerimaannya.

- 10.3 The Bank shall procure that the Custodian will not vote any of the Funds held for the account of the Customer except in accordance with instructions if any, received from the Customer. Customer shall indicate his/her instructions for or against the proposed resolution by Fund Manager and return the relevant proxies within

the stipulated timeline to nearest Bank's branches. In the absence of specific instructions, the proxies will vote or abstain from voting the resolution as Fund Manager thinks reasonable.

Bank harus memastikan bahawa Penjaga tidak akan mengundi mana-mana Dana yang dipegang bagi akaun Pelanggan kecuali mengikut arahan, sekiranya ada, yang diterima daripada Pelanggan. Pelanggan harus menyatakan arahnya sama ada menurut atau bertentangan resolusi yang dicadangkan oleh Pengurus Dana dan memulangkan proksi yang berkaitan dalam tempoh yang telah ditetapkan kepada cawangan Bank yang berhampiran. Sekiranya tiada arahan tertentu, proksi akan mengundi resolusi tersebut atau tidak sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Pengurus Dana.

- 10.4 The Bank and the Custodian shall not be under any duty or obligation to attend any meeting or to vote on any matters relating to any Fund except in accordance with the specific written instruction signed by the Customer and agreed to by the Bank.

Bank dan Penjaga tidak mempunyai kewajipan atau obligasi untuk menghadiri apa-apa mesyuarat atau untuk mengundi apa-apa perkara yang berkait dengan mana-mana Dana kecuali mengikut arahan bertulis tertentu yang ditandatangani oleh Pelanggan dan dipersetujui oleh Bank.

- 10.5 Customer is investing in the Funds under the nominee system where Customer is not recognised by Fund Managers as a registered unit holder under the trust deed. Thus, Customer does not have all the rights ordinarily exercisable by a unit holder, including the following:

- a. The right to have Customer's particulars recorded in the register of unit holders of the Funds; and
- b. The right to call, attend and vote in any unit holders' meeting.

Pelanggan melabur dalam Dana di bawah sistem penama di mana Pelanggan tidak diiktiraf oleh Pengurus Dana sebagai pemegang unit berdaftar di bawah surat ikatan amanah. Oleh itu, Pelanggan tidak mempunyai semua hak yang lazimnya boleh dilaksanakan oleh pemegang unit, termasuk yang berikut:

- a. Hak butiran Pelanggan untuk direkodkan dalam daftar pemegang unit Dana; dan
- b. Hak untuk memanggil, menghadiri dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat pemegang unit.

11. Non-Exclusivity / Ketidakeksklusifan

- 11.1 The Services to be provided by the Bank (and by the Custodian on behalf of the Bank) to the Customer are non-exclusive and the Bank and/or Custodian shall be permitted to perform such services for such other persons/ body as the Bank and/or Custodian in its discretion and neither the Bank nor Custodian shall be liable or under any obligation to:

Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank (dan oleh Penjaga bagi pihak Bank) kepada Pelanggan adalah tidak eksklusif dan Bank dan/atau Penjaga dibenarkan untuk melaksanakan perkhidmatan sedemikian bagi individu/badan lain yang seumpamanya sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank dan/atau Penjaga mengikut budi bicara mutlak mereka dan Bank serta Penjaga tidak dipertanggungjawabkan atau berkewajipan untuk:

- a. account to the Customer for all or any part of benefits received by the Bank and/or Custodian for providing such Services to others; or
- b. disclose to the Customer any fact or thing which may come to the notice of the Bank and/or Custodian or any of its/their personnel in the course of providing such services to others or in the course of its/their business in any other capacity or in any manner than in the course of carrying out its duties under this terms and conditions.

mendedahkan kepada Pelanggan apa-apa fakta atau perkara yang mungkin sampai ke pengetahuan Bank dan/atau Penjaga atau mana-mana kakitangannya dalam melaksanakan perkhidmatan tersebut kepada pihak lain atau dalam menjalankan perniagaannya dalam apa-apa kapasiti atau dalam apa cara sekalipun semasa menjalankan kewajibannya di bawah terma dan syarat ini.

12. Indemnity / Tanggung rugi

- 12.1 The Customer undertakes and agrees to indemnify and keep the Bank and the Custodian and its/their respective personnel indemnified from and against and in respect of all liabilities losses, charges, expenses (including legal fees and costs on a full indemnity basis), claims, demands, actions and proceedings which may be taken against or incurred or sustained by the Bank, the Custodian or its/their personnel in relation to or arising from or in connection with the holding, subscription, switching, transfer or redemption of Units or the custody of Units or

any orders, requests, instructions or transactions made by the Customer and the Customer shall pay and reimburse the same on demand at any time or from time to time unless such losses have been incurred as a result of the Bank and the Custodian and its/their personnel's gross negligence or wilful default.

Pelanggan mengaku janji dan mempersetujui untuk melindungi Bank dan Penjaga dan kakitangan masing-masing daripada dan terhadap dan berkenaan dengan semua liabiliti, kerugian, caj, perbelanjaan (termasuklah yuran guaman dan kos atas dasar perlindungan sepenuhnya), tuntutan, permintaan, tindakan dan prosiding apa-apa sekalipun yang boleh diambil terhadap Bank atau ditanggung atau dialami oleh Bank, Penjaga atau kakitangannya/mereka berhubung dengan atau timbul dari atau berkaitan dengan pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit atau penjagaan Unit atau apa-apa pesanan, permintaan, arahan atau transaksi yang dibuat oleh Pelanggan dan Pelanggan seharusnya membayar dan membayar balik atas permintaan pada satu-satu masa atau dari masa ke semasa melainkan kerugian tersebut telah ditanggung akibat daripada Bank dan Penjaga dan kecuaiannya atau keingkaran yang disengajakan.

13. Fees and charges / Yuran dan Caj

- 13.1 The Customer shall pay fees to the Bank, for the Services performed by the Bank and/or Custodian pursuant to this terms and conditions . The Bank is entitled to levy or impose service charge, bank charges and other charges from time to time (including any revision) in respect of Services rendered to the Customer by giving a written notice to the Customer.

Pelanggan harus membayar yuran kepada Bank, untuk Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Bank dan/atau Penjaga menurut terma dan syarat ini. Bank berhak memberi pemberitahuan notis kepada Pelanggan untuk memungut atau mengenakan caj perkhidmatan, caj bank dan caj lain (termasuk sebarang pindaan)_masa ke semasa sehubungan dengan Perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan termasuk sebarang semakan yang mungkin dimaklumkan

- 13.2 The Customer shall pay or reimburse to the Bank all costs and out-of pocket expenses (including, without limitation, all costs and fees imposed by any relevant Fund Managers and all taxes, duties or levies payable in respect of any Funds acquired, held or redeemed pursuant to this terms and conditions) incurred by the Bank and the Custodian in the performance of its/their duties pursuant to this terms and conditions.

Pelanggan harus membayar atau membayar balik kepada Bank segala kos dan belanja tunai langsung (termasuklah, tanpa had, segala kos dan yuran yang dikenakan oleh mana-mana Pengurus Dana yang berkaitan dan segala cukai, duti, atau levi yang perlu dibayar berkenaan mana-mana Dana yang diperolehi, dipegang atau ditebus menurut terma dan syarat ini) yang ditanggung oleh Bank dan Penjaga dalam menjalankan kewajipan mereka menurut terma dan syarat ini.

- 13.3 The Customer acknowledges and agrees that the Bank may be appointed by Fund Managers to market and distribute the Funds upon such terms and conditions as the Bank may agree with the Fund Managers to receive fees or commissions with the provision of the Investment Services. Notwithstanding anything to the contrary herein contained, the Customer irrevocably and unconditionally consents and agrees to Bank action in such capacity.

Pelanggan mengakui dan mempersetujui bahawa Bank boleh dilantik oleh Pengurus Dana untuk memasarkan dan mengedarkan Dana berdasarkan terma dan syarat sebagaimana yang dipersetujui oleh Bank dan Pengurus Dana yang akan menerima yuran atau komisen dengan penyediaan Perkhidmatan Pelaburan. Walau apa pun yang bercanggah dengan apa-apa yang terkandung di sini, Pelanggan memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat serta bersetuju dengan tindakan Bank dalam kapasiti sedemikian.

- 13.4 The Customer acknowledges that Fund Managers would pay monies (by way of commissions, fees or otherwise) to the Bank in connection with or in relation to the issue of Units to or for the Customer or other dealings in respect of or relating to any Fund. The Customer agrees that the Bank may retain for the benefit of the Bank and without any obligation to account to the Customer any commission, discount, fees or otherwise which the Bank may receive from any Fund Managers or other persons in connection with or in relation to the holding, subscription, switching, transfer or redemption of Units or other transactions done or carried out by the Customer with or through the Bank or using the Services or any other dealings in respect to the Funds and Units.

Pelanggan mengakui bahawa Pengurus Dana akan membayar wang (melalui komisen, yuran atau lain-lain) kepada Bank berkaitan dengan atau berhubung penerbitan Unit kepada atau bagi Pelanggan atau lain-lain urusan berkenaan atau yang merujuk kepada mana-mana Dana. Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menahan untuk kebaikan Bank dan tanpa kewajipan untuk menjelaskan kepada Pelanggan apa-apa komisen, diskaun, yuran atau sebaliknya yang mungkin diterima oleh Bank daripada Pengurus Dana atau individu lain yang berkaitan dengan atau berhubung pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit

atau transaksi lain yang dibuat atau dijalankan oleh Pelanggan dengan atau melalui Bank atau menggunakan Perkhidmatan atau lain-lain urusan berkenaan dengan Dana dan Unit.

- 13.5 Unless otherwise specified herein, the Bank's charges exclude any current taxes and future taxes that may be imposed (including the Sales and Services Tax) under the relevant legislation. Upon the effective date of implementation of any such taxes in the future and wherever applicable, the Bank will be entitled to recover such taxes from the Customer.

Kecuali ditetapkan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk apa-apa cukai semasa dan cukai yang akan datang yang mungkin dikenakan (termasuklah Cukai Jualan dan Perkhidmatan), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan apa-apa cukai sedemikian pada masa akan datang dan sekiranya boleh diguna pakai, Bank berhak untuk mendapatkan cukai tersebut daripada Pelanggan.

14. Risks / Risiko

- 14.1 The Customer acknowledges that the Funds are subject general market risks, inflation risk and any other risk associated with the investment portfolio of the Fund, including possible loss of the principal amount invested. The Funds are not bank deposits and are not endorsed or guaranteed by and do not constitute obligations of the Bank or any of its affiliates or subsidiaries.

Pelanggan mengakui bahawa Dana adalah tertakluk kepada risiko umum pasaran, risiko inflasi dan apa-apa risiko lain yang dikaitkan dengan portfolio pelaburan Dana tersebut, termasuklah kemungkinan kerugian amaun prinsipal yang dilaburkan. Dana bukanlah deposit bank dan tidak diperakui sah atau dijamin oleh dan tidak menjadi obligasi Bank atau mana-mana anggota gabungan atau subsidiarinya.

- 14.2 The Customer represents and warrants that the Customer understands and is fully aware of the risks involved in investing in Units and in the Funds and that the Customer will obtain from either the Bank or the relevant Fund Manager up-to-date versions of the prospectus(es) or any materials supplied by the relevant Fund Manager that might exist on the date of transaction and the date of instructions given by the Customer to the Bank.

Pelanggan menyatakan dan memberi jaminan bahawa Pelanggan memahami dan menyedari sepenuhnya tentang risiko yang terlibat dalam pelaburan dalam Unit dan dalam Dana dan bahawa Pelanggan akan mendapatkan sama ada daripada Bank atau Pengurus Dana yang berkaitan prospektus atau apa-apa bahan yang dibekalkan oleh Pengurus Dana yang berkaitan dalam versi yang terkini yang mungkin ada pada tarikh transaksi dan tarikh arahan diberikan oleh Pelanggan kepada Bank.

- 14.3 The Bank accepts no responsibility and liability to the Customer for giving any recommendation to the Customer as to whether to invest or not to invest in any Fund or in connection with the performance of the Fund. The Customer acknowledges the desirability of seeking independent financial or professional advice with respect to any dealing in Units or Funds or investment or investment opportunities. The Customer acknowledges that any dealings in the Fund or Units is solely and exclusively by the Customer based on the Customer's own judgement and after the Customer's own independent appraisal and investigation into the risks associated with such dealings or otherwise.

Bank tidak bertanggung jawab dan bertanggung jawab kepada Pelanggan untuk memberikan apa-apa cadangan kepada Pelanggan mengenai sama ada melabur atau tidak untuk melabur dalam Dana mana pun atau berkaitan dengan prestasi Dana. Pelanggan mengakui keinginan untuk mendapatkan nasihat kewangan atau profesional yang bebas berkenaan dengan sebarang urusan niaga dalam Unit atau Dana atau peluang pelaburan atau pelaburan. Pelanggan mengakui bahawa setiap transaksi di Dana atau Unit dilakukan sepenuhnya dan secara eksklusif oleh Pelanggan berdasarkan penilaian Pelanggan sendiri dan setelah penilaian dan penyiasatan bebas Pelanggan terhadap siasatan risiko dikaitkan dengan urusan tersebut atau sebaliknya.

- 14.4 The Customer agrees that the Bank is under no obligation to the Customer for any payment of returns including but not limited to the principal sum and the Customer has no recourse against the Bank in any event for any payment of return on the Funds.

Pelanggan mempersetujui bahawa Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan sekalipun terhadap Pelanggan bagi apa-apa bayaran pulangan termasuklah tetapi tidak terhad kepada jumlah prinsipal dan Pelanggan tidak boleh mengambil tindakan terhadap Bank dalam apa-apa juga keadaan bagi apa-apa bayaran pulangan Dana.

15. Freezing of Account / Pembekuan Akaun

- 15.1 The Bank shall at any time be entitled to at its discretion and without any prior notice to the Customer refrain from effecting or carrying out any transaction of the Customer including but not limited to the payment of any monies, or the holding, subscription, switching, transfer or redemption of Funds, the processing of such transactions or any instructions to effect receipt of payment into the Customer's account ("Freezing of the Customer's account") upon the occurrence of any one of the following events:

Bank pada bila-bila masa berhak mengikut budi bicaranya dan tanpa notis terlebih dahulu kepada Pelanggan menahan daripada menyelenggarakan atau menjalankan apa-apa transaksi Pelanggan termasuklah tetapi tidak terhad kepada pembayaran apa-apa wang, atau pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Dana, pemprosesan transaksi seumpamanya atau apa-apa arahan untuk membolehkan penerimaan bayaran ke dalam akaun Pelanggan ("Pembekuan akaun Pelanggan") apabila berlakunya mana-mana kejadian berikut:

- a. The Bank being notified that the Customer has committed an act of bankruptcy and/or a petition for winding up or for bankruptcy has been presented against the Customer (the Customer's insolvency matters").

Bank dimaklumkan bahawa Pelanggan telah melakukan tindakan kebangkrapan dan/atau petisyen untuk pembubaran atau untuk kebangkrapan telah dikemukakan terhadap Pelanggan ("hal ehwal insolvensi Pelanggan").

- b. Upon the Bank being notified and requested by any authority, including but not limited to Bank Negara Malaysia, the Police authorities, or any other statutory authorities ("the authorities") to so refrain from performing any transaction under the Customer's account regardless of whether the authorities have the legal or valid authority to so request the Bank ("the authorities' directives").

Apabila Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuklah tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis, atau mana-mana pihak berkuasa berkanun ("pihak berkuasa") untuk menahan dari menjalankan apa-apa transaksi di bawah akaun Pelanggan tanpa mengira sama ada pihak berkuasa mempunyai autoriti undang-undang atau autoriti yang sah untuk meminta Bank berbuat demikian ("arahan pihak berkuasa").

- 15.2 The Freezing of the Customer's account shall cease or be lifted upon the occurrence of any of the following events:

Pembekuan akaun Pelanggan akan berakhir atau ditamatkan apabila berlakunya mana-mana kejadian berikut:

- a. In respect of the Customer's insolvency matters, it shall be shown to the satisfaction of the Bank by the Customer with appropriate evidence that the petition for winding up or for bankruptcy has been validly withdrawn or dismissed or upon the Bank being served with an appropriate court order sanctioning the lifting of the Freezing of the Customer's account.

Berkenaan dengan hal ehwal insolvensi Pelanggan, Pelanggan dikehendaki menunjukkan bukti sewajarnya sehingga memuaskan Bank bahawa petisyen untuk pembubaran atau kebangkrapan telah ditarik balik secara sah atau ditolak atau apabila Bank dikemukakan perintah mahkamah yang sewajarnya yang meluluskan penamatan Pembekuan akaun Pelanggan.

- b. In respect of the Customer's internal matters, the same has been settled as between all parties concerned and a statement in writing to that effect signed by all parties concerned has been served on the Bank requesting for the unconditional lifting of the Freezing of the Customer's account or in the alternative a Court Order has been served on the Bank sanctioning the lifting of the Freezing of the Customer's account.

Berhubung hal ehwal dalaman Pelanggan, ia telah diselesaikan di antara semua pihak yang berkenaan dan satu kenyataan bertulis yang menyatakan sedemikian yang ditandatangani oleh semua pihak yang berkenaan telah dihantar kepada Bank untuk memohon penamatan tanpa syarat Pembekuan akaun Pelanggan atau sebagai alternatif Perintah Mahkamah yang meluluskan penamatan Pembekuan akaun Pelanggan tersebut telah dihantar kepada Bank.

- c. In respect of the authorities' directives, the Bank has been notified in writing by the authorities to lift the Freezing of the Customer's account or in the alternative an appropriate Court Order has been served on the Bank sanctioning the lifting of the Freezing of the Customer's account.

Berkenaan dengan arahan pihak berkuasa, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa untuk menamatkan Pembekuan akaun Pelanggan atau sebagai alternatif Perintah Mahkamah yang

sewajarnya yang meluluskan penamatan Pembekuan akaun Pelanggan tersebut telah dihantar kepada Bank.

- 15.3 In so Freezing the Customer's account pursuant to the terms and conditions herein including any action which may be taken by the Bank such as not effecting any instructions of the Customer as provided herein, the Customer agrees that the Bank and/or its agents and nominees shall not be held liable for any losses, damages, expenses, costs or charges which may be claimed against the Bank and its agents and nominees or which may be incurred by the Bank and its agents and nominees (including legal costs on a solicitor and client basis) and in connection therewith the Customer further agrees to keep the Bank and its agents and nominees fully indemnified including legal cost on a solicitor and client basis) against any claims for damages, losses, expenses, costs or charges which may be made against the Bank and its agents and nominees by any other party.

Dalam melaksanakan Pembekuan akaun Pelanggan mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini termasuklah apa-apa tindakan yang mungkin diambil oleh Bank seperti tidak menyelenggarakan apa-apa arahan Pelanggan sebagaimana yang telah diperuntukkan di sini, Pelanggan bersetuju bahawa Bank dan/atau agen dan penamanya tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin dituntut terhadap Bank serta agen dan penamanya atau yang mungkin ditanggung oleh Bank serta agen dan penamanya (termasuklah kos guaman atas dasar peguam cara dan klien) dan berkaitan dengan itu, Pelanggan selanjutnya bersetuju untuk melindungi sepenuhnya Bank serta agen dan penamanya (termasuklah kos guaman atas dasar peguam cara dan klien) daripada apa-apa tuntutan bagi kerosakan, kerugian, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin dibuat terhadap Bank serta agen dan penamanya oleh mana-mana pihak lain.

- 15.4 The Customer further agrees that should the Bank and its agents and nominees be sued or be made a party in any suit arising out of the Bank's action in Freezing the Customer's account herein or should the Bank before or after the Freezing of the Customer's account commence any suit against any party including the Customer for any appropriate relief or declaration to be made by any court, all penalties, losses, damages, claims expenses charges and cost (legal or otherwise including costs on a solicitors and client basis) which may be awarded against the Bank or which the Bank and its agents and nominees may incur shall be indemnified by the Customer in accordance with the terms provided in Clause 12 herein.

Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa sekiranya Bank serta agen dan penamanya disaman atau dijadikan sebagai pihak dalam apa-apa saman yang timbul kerana tindakan Bank Membekukan akaun Pelanggan atau sekiranya Bank sebelum dan selepas Pembekuan akaun Pelanggan memulakan apa-apa saman terhadap mana-mana pihak termasuklah Pelanggan supaya pelepasan atau pengisytiharan yang sewajarnya dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua denda, kerugian, kerosakan, caj perbelanjaan tuntutan dan kos (guaman atau sebaliknya termasuklah kos atas dasar peguam cara dan klien) yang mungkin diberikan terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank serta agen dan penamanya akan di ditanggung rugi oleh Pelanggan mengikut terma yang dinyatakan dalam Klausa 12 yang terkandung di sini.

16. Disclosure / Pendedahan

- 16.1 The Customer consents to and authorises the Bank and its officers and employees to disclose and furnish all information concerning the Customer particulars and affairs (financial or otherwise), account details, relationship with the Bank, the terms of agreement and any other matters relating to the Customer or its business and operations to the following classes of persons in such manner and to such extent as the Bank may consider necessary:

Pelanggan memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada dan memberi kuasa kepada Bank serta pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan memberi semua maklumat berkenaan butiran dan hal ehwal Pelanggan (kewangan atau sebaliknya), perincian akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada kelas-kelas individu yang berikut dengan cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank:

- a. the Bank's related companies by virtue of the Companies Act 2016 or any associated company of the Bank (the Bank together with the aforesaid related/associated companies are collectively referred as "the Group") and their assignees and successors-intitle. For avoidance of doubt, disclosure to the Group shall be for facilitating the contract between us for products and services that you applied.

syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut kuasa Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank beserta dengan syarikat berkaitan/sekutu tersebut dirujuk secara kolektif sebagai "Kumpulan") dan pemegang serah hak dan pengganti hak milik. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan adalah untuk memudahkan kontrak antara kami bagi produk dan perkhidmatan yang anda gunakan;

- b. regulatory bodies, government agencies, tax authorities, the police, law enforcement bodies and courts, both within and outside Malaysia including pursuant to the Foreign Account Tax Compliance Act of the United States and Common Reporting Standard ("CRS") Policy.
badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan luar Malaysia termasuklah yang menurut Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat dan Standard Pelaporan Bersama (CRS).
- c. other banks or financial institutions and any other relevant authority as may be authorised by law to obtain such information, or such authorities/agencies established by Bank Negara Malaysia, or any agency established by the Association of Banks in Malaysia / Association of Islamic Banks in Malaysia. For avoidance of doubt, the disclosure shall be for facilitating the contract between us for products and services that you applied;
bank-bank atau institusi kewangan lain dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat sedemikian, atau pihak berkuasa/agensi sedemikian yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia/ Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan adalah untuk memudahkan kontrak antara kami bagi produk dan perkhidmatan yang anda gunakan;
- d. Central Credit Reference Information System, Dishonoured Cheques Information System, credit bureaus, credit reporting agencies and corporations set up for the purposes of collecting and providing credit information;
Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tidak Laku, biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit;
- e. the Bank's accountants, auditors, solicitors, advisors, consultants and/or other agents as may be required for the proper performance of their functions, duties and obligations to the Bank and the Group;
akauntan Bank, juruaudit, peguam cara, penasihat, perunding dan/atau agen lain sebagaimana yang diperlukan untuk menjalankan fungsi, kewajipan dan obligasi mereka dengan sewajarnya kepada Bank dan Kumpulan;
- f. the Bank's service providers, nominees, agents, contractors or third party service providers engaged by the Bank and its related or associated companies to carry out the Bank's functions and activities;
penyedia perkhidmatan, penama, agen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat-syarikat yang berkaitan atau sekutu mereka untuk menjalankan fungsi dan aktiviti Bank;
- g. any entity which the Bank thinks reasonable taking into consideration public interest, allegations of fraud/forgery/any crime allegedly committed through the Account and/or by the Customer;
mana-mana entiti yang dianggap wajar oleh Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, dakwaan penipuan/pemalsuan/apa-apa jenayah yang didakwa telah dilakukan melalui Akaun dan/atau oleh Pelanggan;
- h. an external party as may be required for any corporate exercises / due diligence activities undertaken by the Bank and/or the Group;
pihak luar sebagaimana yang diperlukan bagi apa-apa amalan korporat/aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh Bank dan/atau Kumpulan;
- i. any party which in the future may express intention to acquire an interest / shareholding in the Bank / pursuant to any proposed arrangement, composition, merger, acquisition / restructuring between the Bank and such parties; and
mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan niat untuk mengambil alih kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut apa-apa rancangan, komposisi, penggabungan, pengambilalihan/penstrukturan semula yang dicadangkan di antara Bank dan pihak seumpamanya; dan
- j. any other persons or entities with the Customer's prior consent.
mana-mana individu atau entiti lain dengan kebenaran Pelanggan terlebih dahulu.

- 16.2 The Customer hereby consents to such disclosure and confirms that the Bank, the Group, its officers and employees shall be under no liability for furnishing such information or for the consequences of any reliance which may be placed on the information so furnished in accordance with this terms and conditions

Pelanggan dengan ini memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik bagi pendedahan sedemikian dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan, pegawai dan kakitangannya tidak dipertanggungjawabkan kerana memberikan maklumat seumpamanya atau atas akibat apa-apa kebergantungan kepada maklumat yang diberikan mengikut terma dan syarat ini.

17. Termination / Penamatan

- 17.1 The Bank or the Customer may close the account and/or terminate the Services by giving the other party seven (7) working days written notice. Upon the issuance of the notice of termination, the Customer shall make arrangements for the transfer of existing units from the Custodian to the Customer or such other person which the Customer may elect before the effective date of termination. If the Customer fails to complete such arrangements, the Bank (at the cost of the Customer) may transfer or redeem the Units held in such manner as the Bank may think reasonable and the Bank is authorised to give necessary instructions to third parties i.e. service providers, nominees, agents or contractors engaged by the Bank and its related or associated companies on behalf of the Customer to execute such documents and to do all such other things as the Bank shall think reasonable, without any liability for any costs, expenses, losses or damages of nature incurred or suffered by the Customer.

Bank atau Pelanggan boleh menutup akaun dan/atau menamatkan Perkhidmatan dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari bekerja kepada pihak yang lain. Selepas notis penamatan dikeluarkan, Pelanggan harus merancang untuk memindahkan unit sedia ada daripada Penjaga kepada Pelanggan atau individu lain yang seumpamanya yang boleh dipilih oleh Pelanggan sebelum penguatkuasaan tarikh penamatan. Sekiranya Pelanggan gagal untuk menyiapkan rancangan tersebut, Bank (pada kos Pelanggan) boleh memindahkan atau menebus Unit yang dipegang dengan cara yang difikirkan wajar oleh Bank dan Bank mempunyai kuasa yang tidak boleh ditarik balik untuk memberi arahan yang perlu kepada pihak ketiga iaitu penyedia perkhidmatan, penama, agen atau kontraktor yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat-syarikat yang berkaitan atau sekutu mereka bagi pihak Pelanggan untuk menyempurnakan dokumen seumpamanya dan untuk melakukan perkara lain yang dianggap wajar oleh Bank, tanpa liabiliti bagi apa-apa kos, perbelanjaan, kerugian atau kerosakan dalam apa juga keadaan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan.

18. Governing Law and Jurisdiction / Undang-undang yang Mentadbir dan Bidang Kuasa

- 18.1 This terms and conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. In relation to any legal action or proceedings arising out of or in connection with this said terms and conditions, the Customer hereby submits to the jurisdiction of the courts of Malaysia. Where request is made by the Customer for the Bahasa Malaysia version of the terms and conditions herein, the Bank shall provide the same to the Customer.

Terma dan syarat ini adalah ditadbir oleh dan diertikan mengikut undang-undang Malaysia. Berhubung dengan apa-apa tindakan undang-undang atau prosiding yang timbul dari atau berkait dengan terma dan syarat ini, Pelanggan dengan ini tanpa boleh ditarik balik mematuhi bidang kuasa mahkamah di Malaysia. Sekiranya permintaan dibuat oleh Pelanggan bagi terma dan syarat yang terkandung di sini dalam versi Bahasa Malaysia, Bank harus menyediakannya kepada Pelanggan.

19. Amendment of Terms and Conditions / Pindahan Terma dan Syarat

- 19.1 Any notification, confirmation, statement, notice, letter or demand shall be sent by the Bank or any Custodian on the Bank's behalf to Customer in any of the following manner:

Apa-apa pemberitahuan, pengesahan, penyata, notis, surat atau permintaan harus dihantar oleh Bank atau mana-mana Penjaga bagi pihak Bank boleh diserahkan melalui cara berikut:

- a. By notice in the account statement;
Melalui notis dalam penyata akaun;
- b. By notice at any of the Bank's branches premises;
Melalui notis di mana-mana cawangan Bank;

- c. By ordinary post or registered post or courier or by hand sent to or left at the Customer last known address as per the Bank's record and shall be deemed to be received by the Customer within five (5) business days from posting if sent by ordinary post or registered post and within two (2) business days from sending if by courier or when delivered;

Melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier atau serahan tangan yang dihantar kepada atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan seperti dalam rekod Bank dan akan dianggap sebagai sudah diterima oleh Pelanggan dalam tempoh lima (5) hari perniagaan dari hari pengeposan sekiranya dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam tempoh dua (2) hari perniagaan dari penghantaran sekiranya melalui kurier atau sekiranya dihantar;

- d. By general notice in newspaper or posted at the Bank's branch premises or on visual screen through a computer or visual terminal or on the Bank's website at <https://www.alliancebank.com.my/> and the notice shall be deemed to have been sent or effective from the date of such notice or the date specified in the notice; or

Melalui notis am di surat khabar atau diposkan di premis cawangan Bank atau di skrin visual melalui komputer atau terminal visual atau di laman web Bank di <https://www.alliancebank.com.my/> dan notis tersebut akan dianggap telah dihantar atau berkuat kuasa dari tarikh notis tersebut atau tarikh yang dinyatakan dalam notis itu; atau

- e. By notice via electronic messages which shall be taken to have been received at the time of transmission.

Melalui pemberitahuan melalui mesej elektronik yang dianggap telah diterima semasa penghantaran.

- 19.2 Any notices required to be given by the Customer to the Bank may be given by ordinary or registered post or courier sent to or left at the designated branch at which the Account(s) is maintained and shall be effective upon acknowledgment of receipt by the Bank.

Apa-apa notis yang perlu diberi oleh Pelanggan kepada Bank boleh diserahkan melalui pos biasa atau berdaftar atau kurier yang dihantar kepada atau ditinggalkan di cawangan tertentu di mana Akaun dikendalikan dan akan berkuat kuasa sebaik sahaja penerimaannya dimaklumkan oleh Bank.

- 19.3 The Bank shall send or cause to be sent to the Customer statements relating to the Customer's Account at Customer last known address as per the Bank's record. The Customer is required to review the transactions recorded in the statements and notify the Bank of any errors, irregularities, discrepancies, claims or inaccuracy. If the Customer does not notify the Bank to the contrary within fourteen (14) calendar days from the date on which the Customer receives or have received the statement, the Customer have accepted all the entries contained therein as being correct and binding against the Customer and the Customer shall be precluded from making any claim against the Bank by alleging that the statement is inaccurate.

Bank harus menghantar atau menyebabkan penghantaran penyata berkenaan Akaun Pelanggan kepada Pelanggan di alamat terakhir Pelanggan yang diketahui seperti dalam rekod Bank. Pelanggan dikehendaki menyemak transaksi yang direkodkan di dalam penyata dan memaklumkan kepada Bank jika terdapat apa-apa kesilapan, apa-apa yang tidak kena, percanggahan, tuntutan atau ketidaktepatan. Sekiranya Pelanggan tidak memaklumkan kepada Bank sebaliknya dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pelanggan menerima atau dianggap telah menerima penyata tersebut, Pelanggan dianggap sudah menerima semua entri yang terkandung di dalamnya sebagai betul dan sah terhadap Pelanggan dan Pelanggan adalah terhalang dari membuat apa-apa tuntutan terhadap Bank dengan mengatakan bahawa penyata tersebut adalah tidak tepat.

20. Representations, warranties and undertakings/ Perwakilan, jaminan dan mengakuan

- 20.1 The Customer represents, warrants and undertakes:

- a) that it has full legal capacity and authority to enter and accept these Terms and Conditions;
bahawa ia mempunyai kapasiti dan kuasa undang-undang penuh untuk memasuki dan menerima Terma dan Syarat ini;
- b) that it is duly authorized and empowered to perform its duties and obligations hereunder and that the terms of these Terms and Conditions do not constitute a breach of any obligations by which the Customer is bound whether arising by contract, operation of law or otherwise;
bahawa ia diberkuasa dan diperkasa sewajarnya untuk melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab di bawah Terma dan dalam Terma dan Syarat ini tidak merangkumi pelanggaran mana-mana kewajipan

yang mana Pelanggan terikat sama ada yang timbul melalui kontrak, pengendalian undang-undang atau sebaliknya;

- c) that the Customer is not relying on any advice (whether oral or written) of the Bank regarding any transaction or the Investment Services, and the Bank is not acting as fiduciary or advisor to the Customer in connection with any transaction or the Investment Services;

bahawa Pelanggan tidak bergantung kepada mana-mana nasihat (sama ada lisan atau bertulis) dari pihak Bank mengenai sebarang transaksi atau Perkhidmatan Pelaburan, dan pihak Bank tidak akan bertindak sebagai fidusiari atau penasihat kepada Pelanggan berkaitan dengan sebarang transaksi atau Perkhidmatan Pelaburan;

- d) the source of funds used in the investment is lawful under the laws and regulations (including any exchange control rules and regulations) of the jurisdiction binding upon or applicable to the Customer, is not in contravention of any anti money laundering rules and the Customer will take all necessary actions to ensure that all such laws and regulations will not be contravened and will be complied with at all times;

sumber dana yang digunakan dalam pelaburan adalah sah di bawah undang-undang dan peraturan (termasuk mana-mana peraturan dan peraturan kawalan pertukaran) bidang kuasa yang mengikat atau terpakai kepada Pelanggan, tidak melanggar mana-mana peraturan anti pengubahan wang haram dan Pelanggan akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk memastikan semua undang-undang dan peraturan tersebut tidak akan dilanggar dan akan dipatuhi pada setiap masa;

- e) that all information provided by the Customer to the Bank including but not limited to information on the identity of the authorized signatories, source of funds and its tax status, is true, complete and accurate in all respects and the Customer undertakes to inform the Bank immediately in writing of any changes in such information.

bahawa semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat mengenai identiti penandatangan yang dibenarkan, sumber dana dan status cukainya, adalah benar, lengkap dan tepat dalam semua aspek dan Pelanggan berjanji untuk memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta secara bertulis sebarang perubahan dalam maklumat tersebut.

21. General / Umum

- 21.1 The Customer shall not hold the Bank responsible for any loss or damage which the Customer may suffer arising from:-

Bank tidak dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan akibat:-

- (i) service failure, delay error due to breakdown or non-availability or malfunction of any computer, network or equipment, software or hardware beyond Bank's control unless it is proven that the same occurred due to gross negligence act or omission of the Bank; or

kegagalan perkhidmatan, kelewatan kerana kerosakan atau kerosaan computer, rangkaian atau peralatan yang tidak berada di luar kawalan Bank melainkan dibuktikan bahawa perkara yang sama berlaku disebabkan oleh tindakan kecuai atau peninggalan Bank; atau

- (ii) attempted or actual acts of terrorism, outbreak of pandemics, acts of God, severe weather condition, action by the government or national or municipal body or agency or any other authority or an unforeseen event, condition or any circumstances beyond the Bank's control.

percubaan atau tindakan terorisme, wabak pandemik, tindakan Tuhan, keadaan cuaca buruk, tindakan kerajaan atau badan atau agensi negara atau perbandaran atau mana-mana pihak berkuasa lain atau kejadian yang tidak dijangka atau sebarang keadaan yang di luar kawalan Bank.

- 21.2 The issue prices and redemption (realisation) prices are determined by the Fund Managers in accordance with the relevant trust deed or prescribed procedures on a day on which dealings take place of Units in the Fund ("Dealing Day"). Any price or value given by the Bank in respect of any Fund is not final and binding and is only indicative information provided to the Customer and the Bank shall not be responsible or liable therefore.

Harga terbitan dan harga tebusan (realisasi) ditetapkan oleh Pengurus Dana mengikut surat ikatan amanah yang berkaitan atau prosedur yang ditetapkan pada hari urusan dibuat atau prosedur yang ditetapkan pada hari di mana urusan mengenai Unit dalam Fund tersebut dijalankan ("Hari Urusan"). Apa-apa harga atau nilai

yang diberi oleh Bank berkenaan mana-mana Dana adalah tidak muktamad dan sah dan hanya menggambarkan maklumat yang disediakan kepada Pelanggan dan oleh itu Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan.

- 21.3 In addition to any general lien or similar right to which the Bank may be entitled by law, the Bank shall be entitled at any time and with notice to the Customer to combine, consolidate or merge the Customer account(s) with all or any of the Customer's account(s) with the Bank and set-off any amount or transfer any sum standing to the credit of any such account(s) with the Bank in or towards satisfaction of the Customer's liabilities with the Bank.

Sebagai tambahan kepada mana-mana lien umum atau hak yang bersamaan yang mana Bank mungkin mempunyai hak di sisi undang-undang, Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan notis kepada Pelanggan untuk mencampurkan, menyatukan atau menggabungkan akaun pelanggan dengan semua atau mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank dan menyelesaikan apa-apa amaun atau memindahkan apa-apa jumlah yang berada pada kredit pada akaun seumpamanya dengan Bank dalam atau ke arah memuaskan liabiliti Pelanggan dengan Bank.

- 21.4 The Bank shall, and procure that the Custodian shall, comply with the provisions of any law, regulation or order now or hereafter in force which purports to impose any duties on the Bank and/or Custodian as the holder of any Funds to give any notification or to take or refrain from taking any action.

Bank akan, dan memastikan bahawa Penjaga akan, mematuhi peruntukan apa-apa undang-undang, peraturan atau perintah yang berkuat kuasa pada masa ini atau selepas ini yang bermaksud untuk mengenakan apa-apa kewajipan ke atas Bank dan/atau Penjaga sebagai pemegang mana-mana Dana untuk memberi notifikasi atau untuk mengambil atau menahan dari mengambil apa-apa tindakan.

- 21.5 The Bank shall be under no duty to take any action other than as specified in this terms and conditions with respect to any Funds or cash of the Customer held by the Bank and/or Custodian under these terms and conditions. The Bank shall be entitled to receive and to act, or procure the Custodian to act, upon any advice of counsel or its in-house legal advisers and shall be without liability for any action taken or thing done in good faith in reliance upon such advice.

Bank tidak berkewajipan untuk mengambil apa-apa tindakan selain daripada yang ditetapkan di dalam terma dan syarat ini berhubung mana-mana Dana atau wang tunai Pelanggan yang dipegang oleh Bank dan/atau Penjaga di bawah terma dan syarat ini. Bank berhak untuk menerima dan bertindak atau menyebabkan Penjaga untuk bertindak, sebaik mendapat nasihat daripada peguam atau penasihat undang-undang dalamannya dan tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa yang dilaksanakan dengan niat yang baik berdasarkan nasihat tersebut.

- 21.6 The Bank reserves the right to add to, vary, amend or delete any or all the terms and conditions at any time and from time to time at its discretion with prior notice. The opening and continued operation of the account(s) by the Customer shall constitute consent by the Customer to be bound by this terms and conditions.

Bank berhak untuk menambah, mengubah, meminda atau menghapuskan mana-mana atau semua terma dan syarat pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa mengikut budi bicara mutlakanya dengan memberi notis terlebih dahulu. Pembukaan dan pengendalian akaun yang berterusan oleh Pelanggan akan dianggap sebagai kebenaran oleh Pelanggan untuk diikat oleh terma dan syarat ini.

- 21.7 If any of this terms and conditions is held or considered to be void unenforceable, the other terms will remain in full force and effect.

Sekiranya mana-mana terma dan syarat ini dianggap atau disifatkan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, terma dan syarat lain akan tetap berkuatkuasa.

- 21.8 Unless the context otherwise requires, in this terms and conditions words importing the singular number shall include the plural and vice versa, and words importing the masculine gender shall include the feminine.

Kecuali diperlukan sebaliknya dalam konteks, dalam terma dan syarat ini perkataan yang membawa maksud nombor tunggal adalah termasuk bentuk majmuk dan begitu juga sebaliknya, dan perkataan yang membawa maksud genus maskulin adalah termasuk feminin.

22. Anti-Bribery and Corruption / Pencegahan Sogokan dan Rasuah

The Bank has instituted and maintains policies and procedures designed to prevent bribery and corruption by the Bank and its directors, officers, or employees; and to the best of the Bank's knowledge, neither the Bank nor any director, officer, or employee of the Bank has engaged in any activity or conduct which would violate any anti-bribery or anti-corruption law or regulation applicable to the Bank. The Bank has not, and covenants that it will not, in connection with the conduct of its business activities, promise, authorize, ratify or offer to make, or take any act in furtherance of any payment, contribution, gift, reimbursement or other transfer of anything of value, or any solicitation, directly or indirectly to any individual.

Bank telah menetapkan dan memelihara dasar dan prosedur yang dirancang untuk mencegah rasuah(sogokan) dan rasuah oleh Bank dan para pengarah, pegawai, atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan Bank, baik Bank maupun pengarah, pegawai, atau pekerja Bank telah melakukan aktiviti atau tingkah laku yang akan melanggar undang-undang atau peraturan anti-sogokan atau anti-rasuah yang berlaku pada Bank. Pihak Bank tidak dan berjanji bahawa tidak akan, berhubung dengan pelaksanaan kegiatan bisnisnya, berjanji, meluluskan, meratifikasi atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil tindakan apa pun untuk melanjutkan pembayaran, sumbangan, hadiah, penggantian pembayaran atau pemindahan lain apa-apa nilai, atau permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.

By virtue of applying for this product, Customer hereby acknowledges that it has been made aware of the Bank's anti-bribery and corruption summary of the policy available at <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> and further covenants / undertakes that it shall not indulge in such corrupt practices in whatsoever manner whether directly or indirectly with any directors, officers or employees of the Bank.

Dengan melamar produk ini, Pelanggan dengan ini mengakui bahawa ia telah diberitahu mengenai ringkasan dasar anti-sogokan dan rasuah Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan perjanjian-perjanjian selanjutnya / berjanji bahawa ia tidak akan melakukan amalan rasuah sedemikian dengan cara apa pun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.